

NO. SOALAN: 97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN
HAJI MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 17 JUN 2014

RUJUKAN : 6894

SOALAN:

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini berhubung isu penggunaan pelekat hologram pada naskhah Kitab Suci yang mana timbul rungutan bahawa ianya membebankan, malah menyebabkan harga kitab suci itu meningkat sehingga 50 peratus.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pencetakan Teks Al-Quran (APTQ) telah diwartakan pada 1986 dan mula dikuatkuasakan pada 1987, bagi memastikan sebarang bentuk teks Al-Quran yang telah mendapat kelulusan dari Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ) akan mendapat sijil Perakuan Betul Pruf Akhir beserta cap perakuan kelulusan yang dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran KDN sebagai tanda sesuatu teks Al-Quran tersebut adalah betul dan sahih.

Pada tahun 2005, Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an yang keahliannya melibatkan Sahibus Samahah Mufti Negeri-negeri telah bermesyuarat dan memutuskan supaya Kementerian Dalam Negeri melaksanakan penguatkuasaan pelekat hologram sebagai salah satu usaha membendung kemasukan al-Quran yang diimport dari negara luar yang mengandungi kesilapan dan juga membanteras cetak rompak. Penguatkuasaan Pelekat Hologram Al-Quran tersebut telah beberapa kali ditangguhkan sejak diwartakan, iaitu pada 1 Februari 2010 dan telah dilaksanakan pada 1 Mac 2014.

Faedah daripada pelaksanaan hologram adalah kepada penerbit Al-Quran kerana dapat mengelakkan bahan Al-Quran penerbit di cetak rompak selain membantu memartabatkan dan memelihara

kesucian Al-Quran dari kesilapan cetakan atau disalahguna oleh pihak-pihak tertentu.

Semakan yang telah dilakukan oleh Kementerian didapati harga kitab suci al-Quran tidakpun dinaikkan oleh penerbit yang telah menggunakan pelekat hologram malahan ada penerbit masih mampu menurunkan harga jualan al-Quran seperti Syarikat Karya Bistari.